

22 JUN 1999

MUSTAPA-PINJAMAN

BPIMB LULUS PINJAMAN RM4.5 BLN UNTUK PROJEK PRASARANA

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Bhd (BPIMB) yang dahulunya dikenali sebagai Bank Pembangunan Malaysia Berhad, telah meluluskan pinjaman bernilai RM4.5 bilion untuk 10 buah projek sejak ia dipertanggungjawabkan untuk menerajui projek prasarana lima bulan lalu, Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata hari ini.

Projek-projek itu meliputi pembinaan sub-sektor lebuhraya, rel, pelabuhan dan pembangunan prasarana hartanah, katanya pada pemberita selepas majlis pelancaran nama dan logo baru bank tersebut bersempena dengan sambutan ulang tahun penubuhan ke 25 Bank Pembangunan.

Daripada 10 projek itu, enam telah diluluskan oleh lembaga pengarah bank itu manakala empat pula diluluskan dan diambil dari kerajaan dengan tiga daripadanya dari Syarikat Prasarana Negara Bhd, milik Kementerian Kewangan.

Di samping itu, lima lagi projek sedang dipertimbangkan oleh BPIMB untuk pinjaman bernilai RM2.0 bilion, kata Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan.

"Tetapi ada satu dua projek yang perlu mendapat pandangan daripada rakyat ... terutamanya yang melibatkan pembinaan lebuhraya," kata beliau.

Beliau berkata telah menjadi dasar kerajaan hari ini iaitu "kita tidak akan membina lebuhraya di kawasan-kawasan tertentu kecuali mendapat persetujuan daripada penduduk tempatan."

Ditanya mengenai perkembangan projek monorel Kuala Lumpur yang terjejas berikutan keadaan kegawatan ekonomi, Mustapa berkata perkara itu perlu dirujuk kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

"Saya tidak tahu perkembangan terbaru mengenai projek berkenaan kerana perkara itu diawasi oleh EPU," jelas beliau.

Sementara Pengerusi Eksekutif BPIMB, Tan Sri Dr Aris Othman berkata biarpun BPIMB sekarang ini memberikan fokus yang serius terhadap pembiayaan projek-projek infrastruktur, objektif asal membantu usahawan industri kecil dan sederhana tetap tidak akan terjejas dan akan terus diberi perhatian.

Sehingga akhir Mei 1999, sebanyak 192 kelulusan telah diberikan di bawah skim perbankan biasa (bukan di bawah skop infrastruktur) dengan nilai kelulusan melebihi RM163.0 juta.

"Kami berharap sehingga akhir tahun 1999, dianggarkan sejumlah lebih RM350 juta nilai pinjaman biasa ini akan dapat dicapai," kata beliau.

Pengarah urusan Datuk Nik Ibrahim Abdullah pula berkata BPIMB menjangka dapat meluluskan pinjaman berjumlah RM7.5 bilion menjelang akhir tahun ini.

Terdahulu Aris berkata Bank Pembangunan Malaysia Bhd telah bertukar entiti menjadi BPIMB sejak awal tahun 1999 dengan modal berbayar BPIMB yang baru ialah RM1.0 billion berbanding RM105.5 juta sebelum ini.

Pengumuman tentang pertukaran ini telah dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad sebagai Menteri Kewangan Pertama di Dewan Rakyat pada pembentangan Belanjawan 1999 Oktober lalu.

-- BERNAMA

AA MA